



KERAJAAN MALAYSIA



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL 7 TAHUN 2012**

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN BAS EKSPRES TAMBAHAN
PADA MUSIM PERAYAAN AIDILFITRI 2012**

**SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
SEmenanjung MALAYSIA**

TARIKH: 23 JULAI 2012

Semua Pengusaha Bas Semenanjung Malaysia

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN BAS EKSPRES TAMBAHAN PADA MUSIM PERAYAAN AIDILFITRI 2012

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan **pindaan kepada garis** panduan bagi penyediaan bas ekspres tambahan sempena perayaan Aidilfitri 2012.

PINDAAN

2. **Bas yang dibenarkan untuk LPS di Perenggan 2 Pekeliling SPAD Bil. 6 Tahun 2012 - Garis Panduan Penyediaan Bas Ekspres Tambahan pada musim perayaan Aidilfitri 2012 bertarikh 28 Jun 2012 adalah dipinda seperti berikut:**

Syarikat bas ekspres hendaklah memohon LPS untuk menggunakan **bas ekspres, bas sekolah, bas pekerja, bas catar, bas berhenti-henti** dan **bas persiaran** sebagai bas tambahan.


3. **Tempoh LPS di Perenggan 4 Pekeliling SPAD Bil. 6 Tahun 2012 - Garis Panduan Penyediaan Bas Ekspres Tambahan pada musim perayaan Aidilfitri 2012 bertarikh 28 Jun 2012 adalah dipinda seperti berikut:**

Hari Raya Aidilfitri dijangka akan disambut pada 19hb. dan 20hb. Ogos 2012. Dengan yang demikian, **tempoh LPS ialah 7 hari sebelum dan 8 hari selepas hari perayaan iaitu mulai 12 Ogos 2012 hingga 28 Ogos 2012.**

TARIKH KUATKUASA

4. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**



AZHAR AHMAD
Ketua Pegawai Operasi
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)

23 JULAI 2012